

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SINAR NEGERI)

TARIKH: 14 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 35

SINAR HARIAN • SELASA 14 JANUARI 2020

Sinar NEGERI | JOHOR

Gagal ambil langkah cegah kebakaran

Bomba Johor keluarkan 144 notis kepada pemilik premis sepanjang tahun 2019

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Sebanyak 144 notis dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor ke atas pemilik premis terutama di pusat membeli-belah yang didapati gagal mengambil langkah pencegahan kebakaran sepanjang tahun lepas.

Pengarah JBPM Johor, Datuk Yahya Madis berkata, antara langkah pencegahan kebakaran yang kerap dilanggar pemilik premis ialah menghalang pili bomba dengan meletakkan barang, lalu kecemasan terhalang dan alat pemadam api tidak berfungsi.

Menurutnya, JBPM Johor akan mempergiatkan usaha pencegahan dengan memeriksa lebih banyak premis terutama pusat membeli-belah sempena musim perayaan Tahun Baru Cina.

"Notis yang dikeluarkan



Yahya (ldri) memakamkan Tanda Pangkat Khas Untuk Penyandang (KUP) KB22 kepada Pegawai Bomba Tinggi, Sarinah Sidek (dua dari ldri) di Ibu Pejabat JBPM Johor semalam.

kan pihak bomba ini bergantung kepada kesalahan misalnya meletakkan jualan sehingga menghalang pili bomba, kompaun akan dikenakan sebanyak RM100 bagi kesalahan pertama dan RM200 bagi kesalahan berulang mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

"Pada 2018 sebanyak 1,294 premis diperiksa dengan 267 notis dikeluarkan. Pada tahun lepas, 1,294 premis diperiksa dengan 144 notis dikeluarkan. Data ini menunjukkan pengurangan di mana sudah wujud kesedaran dalam kalangan pemilik premis," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bu-

lanan JBPM Johor dan Upacara Pemakaian Tanda Pangkat Khas Untuk Penyandang (KUP) KB22 di Ibu Pejabat JBPM Johor di sini semalam.

Yahya berkata, sempena musim perayaan Tahun Baru Cina sudah pasti banyak jualan dilakukan peniaga sekaligus akan menyaksikan pertambahan barang di dalam premis pusat membeli-belah.

"Kita akan melakukan pemeriksaan sebagai langkah pencegahan bagi pastikan laluan keluar masuk daripada bangunan tidak terhalang sekiranya berlaku kecemasan terutamanya ketika kebakaran selain aspek keselamatan lain seperti pemadam kebakaran," katanya.

Mengulas persediaan JBPM Johor bagi sambu-

tan Tahun Baru Cina katanya, seramai 1,270 anggota bomba di negeri itu diletakkan dalam keadaan bersiap sedia selain turut melakukan rondaan.